

Persepsi Terhadap Penawaran Mata Pelajaran Umum Hubungan Etnik dalam Meningkatkan Kefahaman Patriotisme di Universiti Malaysia Perlis

Siti Norayu Mohd Basir¹, Mohammad Zaini Abu Bakar², Junainor Hassan³ dan Hassad Hassan⁴

^{1,3,4}Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

²Universiti Sains Malaysia (USM).

ABSTRAK

Semangat patriotisme merupakan satu keperluan dalam memastikan rakyat sentiasa menyokong dan mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara dari gangguan dan kekacauan yang datang dari dalam mahupun luar. Pembangunan patriotisme sangat penting dalam melahirkan satu golongan masyarakat yang sanggup berkorban untuk negara dan rakyatnya. Walaupun konsep patriotisme ini merupakan satu konsep kecintaan negara yang diwariskan dari satu zaman ke zaman yang lain, ia memerlukan satu medium ampuh dalam memastikan perasaan cinta pada negara ini sentiasa mekar dan kuat dalam diri masyarakat pada hari ini. Nyatanya, pendidikan merupakan salah satu cara yang diberi penekanan dalam memantapkan kefahaman dan semangat patriotis di Malaysia. Sehubungan dengan itu, satu kajian dijalankan ke atas pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam khususnya di Universiti Malaysia Perlis untuk melihat tahap persepsi pelajar terhadap penawaran Mata Pelajaran Umum (MPU) hubungan etnik sebagai medium meningkatkan kefahaman patriotisme. Objektif kajian ini adalah untuk melihat perbezaan persepsi pelajar terhadap penawaran MPU hubungan etnik mengikut pecahan i) etnik, ii) jantina dan iii) kumpulan yang telah mengambil MPU hubungan etnik dan kumpulan yang belum mengambil MPU hubungan Etnik. Kaedah kajian tinjauan digunakan dan dianalisa menggunakan analisa kebolehppercayaan Cronbach's Alpha, ujian normaliti dan ujian t sampel bebas.

Kata Kunci: Patriotisme, Mata Pelajaran Umum Hubungan Etnik, Persepsi, Kajian Tinjauan.

Perceptions towards the Offering of General Subjects of Ethnic Relations in Enhancing the Understanding of Patriotism in University Malaysia Perlis

ABSTRACT

The spirit of patriotism is a necessity in ensuring that the people always support and defend the sovereignty and national security of disruptions that come from inside and outside. The development of patriotism is very important in producing a group of people who are willing to sacrifice for the country and its people. Although the concept of patriotism is a concept of love of the nation passed from one generation to another, it requires a powerful medium in ensuring the love of love in this country is constantly blooming and strong in today's society. In fact, education is one way emphasized in strengthening the understanding and patriotism in Malaysia. In that regard, a study was conducted on the students of the Institute of Public Higher Education especially in Universiti Malaysia Perlis to see the level of student's perceptions towards the offer of General Subjects (MPU) of Ethnic Relations as a medium to enhance the understanding of patriotism. The objective of this study is to examine the different perceptions among

students on the MPU Ethnic Affairs according to the ethnicity, ii) gender and iii) groups who have taken MPU Ethnic Relations and groups who have not taken MPU Ethnic Relations. The survey method was used and analyzed using Cronbach's Alpha reliability test, normality test and independent t-test.

Keywords: Patriotisme, General Subjects of Ethnic Relations, Perceptions, Review Studies.

1. PENDAHULUAN

Semangat patriotisme merupakan satu semangat yang penting dan relevan dalam memastikan kedaulatan, pembinaan dan pembangunan negara dapat dicapai dan dikekalkan seterusnya menyediakan rakyat Malaysia yang mempunyai jati diri yang kuat terhadap negara tercinta. Jati diri ini sangat penting dalam membentuk masyarakat yang sanggup berkorban, rasa bangga, sentiasa mendahulukan kepentingan masyarakat berbanding diri sendiri. Semangat patriotisme ini akan membentuk hati dan jiwa generasi muda yang patriotik dan bertanggungjawab pada bangsa dan negara. Mengambil contoh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun, Korea, China dan Jerman, pendidikan digunakan sebagai salah satu medium dalam mempromosikan patriotisme dalam kalangan masyarakat umumnya dan pelajar khususnya. Malaysia juga tidak terkecuali menggunakan medium pendidikan dalam usaha memupuk nilai-nilai patriotisme dalam kalangan masyarakatnya.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Pelbagai usaha telah dijalankan dalam mendidik masyarakat supaya celik kepada nilai-nilai patriotisme. Sebagai contoh, diperingkat pengajian tinggi, mata pelajaran umum yang menggabungkan beberapa mata pelajaran seperti hubungan Etnik, Pengajian Malaysia serta Tamadun Islam dan Tamadun Asia diperkenalkan sebagai kesinambungan kepada mata pelajaran sejarah di peringkat sekolah rendah dan menengah. Kajian mengenai keberkesanan MPW telah dijalankan oleh Zarina Muhammad, Jayum Jawan Zaid Ahmad *et al.* (2010), iaitu melibatkan pelajar dari IPTA dan IPTS serta meliputi semua subjek MPW yang ditawarkan, iaitu Tamadun Islam dan Tamadun Asia, hubungan Etnik, Pengajian Kenegaraan dan Kursus Bahasa Inggeris. Kajian menyeluruh yang dibuat oleh Aziz Ujang, Jamaluddin Md. Jahi, Kadir Arifin & Kadaruddin Aiyub (2014) menggunakan kaedah analisis regresi logistik terhadap 500 sampel telah diambil dari lapan (8) negeri mengikut zon, iaitu Utara, Timur, Tengah, Selatan dan Zon Sabah dan Sarawak mendapati tahap kesedaran belia di IPTA dan IPTS terhadap semangat patriotisme adalah rendah dan membimbangkan. Dapatan ini disokong oleh skor patriotisme rendah yang ditunjukkan di dalam Indeks Belia Malaysia 2015 kendalian Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Ini dapat dilihat di dalam Indeks Belia Malaysia (IBM) pada 2015 menunjukkan peratus domain identiti yang memberi fokus kepada daya saing, kesukarelaan, patriotisme, perpaduan dan integriti adalah pada tahap sederhana, iaitu pada skor 69.1%. Namun begitu, subjek patriotisme di bawah domain identiti IBM menunjukkan penurunan pada laporan IBM, iaitu pada 2006 (68.2%), 2011 (64 %) dan 2015 (60.1%).

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Anuar Ahmad, Peter Ling Huo Hang & Nur Atiqah Tang Abdullah (2012) mendapati mata pelajaran Sejarah yang diajar di sekolah menengah masih kurang berkesan dalam memantapkan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar. Kurangnya impak subjek sejarah dalam memantapkan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar adalah disebabkan oleh proses pengajaran dan pembelajaran yang kurang berkesan. Keberjayaan pendidikan sebagai medium dan strategi pengukuhan semangat patriotisme dipengaruhi oleh kaedah penyampaian pengajaran dan pembelajaran, polisi pendidikan, sumber dan juga kepakaran (Ku Hasnita Ku Samsu & Mohd Haizam Mohd Nor, 2011; Anuar

Ahmad, Peter Ling Huo Hang & Nur Atiqah Tang Abdullah, 2012; S. N Encep 2017; S. Chua & S. Jim, 2017).

Australia, Jerman dan Kanada menyatakan kegagalan pengajaran subjek sejarah dalam kalangan pelajar mereka adalah disebabkan oleh subjek yang berulang-ulang. Subjek yang berulang ini menyebabkan pelajar kurang berminat dan mendapati pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah ini membosankan. Selain itu, kegagalan subjek sejarah ini juga disebabkan oleh tumpuan yang diberi adalah ke atas pembentukan kurikulum dan pedagogi sahaja tanpa memberi fokus kepada pembangunan sumber tenaga pengajar (Mohd Samsudin & Shahizan Shaharudin, 2012). Proses pengajaran lesu disebabkan oleh kapasiti guru-guru yang kurang berminat, tidak mempunyai kepakaran dan kurang menekankan konsep patriotisme berbanding nilai-nilai lain yang lebih mudah difahami. Tenaga pengajar perlu dilatih secara profesional dalam memastikan matlamat dan objektif pengajaran sampai kepada pelajar. Hal ini demikian kerana terdapat guru-guru yang bukan aliran sejarah tetapi terpaksa mengajar sejarah. Pembangunan alat bantu mengajar juga perlu diberi perhatian kerana alat bantu mengajar yang sama menyebabkan pengajaran tidak menarik dan membosankan (Mohd Samsudin & Shahizan Shaharudin, 2012).

Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk melahirkan belia umumnya dan pelajar khususnya yang ampuh jati dirinya dalam memastikan kedaulatan negara terus dijaga. Namun begitu, perbezaan zaman dan keterbukaan media sosial pada hari ini menyebabkan belia muda leka dan lalai dalam memahami dan menghayati semangat patriotisme. Di abad ke-21, peperangan dilihat bukan satu-satunya ancaman utama kedaulatan sesebuah negara. Ancaman ini tidak lagi tertakluk pada ancaman berbentuk tradisional seperti konflik yang menggunakan kekerasan bersenjata dan peperangan. Landskap ancaman kepada keselamatan negara semakin meluas dan berkembang, iaitu melibatkan ancaman sebagainya yang mampu meruntuhkan sesebuah negara bukan tradisional seperti ancaman penganas, dadah, ekonomi, penyakit dan pertikaian sempadan (Mohamad Faisal Keling, Ahmad Shah Pakeer Mohamed & Md Shukri Suhib. 2016). Justeru, ketahanan nasional dapat dikekalkan dengan semangat patriotisme yang nilainya dapat melahirkan masyarakat yang bertanggungjawab, mempunyai jati diri yang tinggi, sanggup berkorban, berdisiplin diri, kuat berusaha dan produktif.

3. SOROTAN LITERATUR

Konsep patriotisme bukanlah sesuatu yang baru di mana kewujudannya seiring dengan adanya peradaban manusia yang hidup dalam komuniti kecil seterusnya berkomuniti besar yang bermatlamat untuk mempertahankan identiti bangsanya (Awang Had Salleh, 1995) dan sinonim dengan cara bagaimana sesebuah masyarakat mempertahankan tanah air dan budayanya. Kesultanan Melayu Melaka mengilustrasi bermulanya semangat patriotisme dan semakin berkembang sekitar abad ke-17 sehingga ke hari ini (Abdul Latif Abu Bakar, 1996). John Kleinig (2015) berpendapat, sesebuah negara sangat memerlukan masyarakatnya setia dan sanggup berkorban dalam menjadikan negara itu makmur. Nilai patriotisme seperti semangat mencintai negara, semangat sukarelawan, berdisiplin dan rela berkorban mendokong kemakmuran dan kedaulatan sesebuah negara (Sarjit Gill *et al.*, 2016). Belia umumnya merupakan pewaris yang akan menentukan hala tuju Malaysia di masa akan datang. Belia hari ini seharusnya mempunyai jati diri yang kuat dalam menempuh arus global yang semakin rancak. Pemahaman terhadap sejarah perjuangan lalu perlu diterapkan ke dalam diri belia umumnya dan pelajar khususnya sebagai satu bentuk kesedaran tentang betapa pentingnya memelihara kedaulatan, kemakmuran dan perpaduan yang Malaysia nikmati hari ini.

Pendidikan sejarah diperakui mempunyai kesan terhadap pembentukan jati diri dalam kalangan pelajar (D. Sneider, 2013; M. Zembylas, 2014; S. Anzai, 2015) serta bermatlamat untuk mewujudkan nilai, perasaan dan ikatan antara pelajar dengan negara dan merupakan cara

untuk mengekalkan identiti nasional. Usaha membentuk masyarakat Malaysia yang mempunyai semangat dan nilai patriotisme telah diletakkan di dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan. Falsafah Pendidikan Kebangsaan menekankan tentang kepentingan penghayatan nilai-nilai murni dalam sistem pendidikan negara. Ia dikuatkan lagi dengan merangka matlamat utama Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah mewujudkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersatu padu. Falsafah dan dasar pendidikan kebangsaan merupakan satu usaha dalam melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab serta mampu menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara secara holistik (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 1979).

Seterusnya, inisiatif kerajaan dalam menyiapkan masyarakatnya celik sejarah dan bersemangat patriotisme dengan memperkenalkan subjek tawarikh pada tahun 1918. Sehingga tahun 1978, subjek tawarikh ini ditukar namanya kepada subjek sejarah dan diguna pakai sehingga kini. Menjelang 1989, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang diperkenalkan beserta menjadikan mata pelajaran sejarah sebagai subjek teras selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang memfokuskan pembangunan seimbang dari segi jasmani, rohani, intelek dan emosi, mata pelajaran sejarah. Usaha kerajaan semakin agresif apabila pada tahun 2013, mata pelajaran sejarah dijadikan subjek wajib lulus untuk Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Usaha ini dilakukan bagi menampakkan keseriusan kerajaan dalam memastikan golongan belia remaja ini sedar tentang kepentingan sejarah dan patriotisme. Mengambil langkah melentur buluh dari rebungunya, usaha Malaysia berterusan dengan mengambil langkah memperkenalkan mata pelajaran sejarah diperingkat sekolah rendah bermula pada tahun 2014. Di peringkat sekolah rendah, pendidikan sejarah telah diperkenalkan kepada pelajar tahap dua, iaitu darjah 4, 5 dan 6 bermula tahun 2014. Pengenalan subjek Sejarah untuk sekolah rendah ini bertujuan untuk memberi kefahaman teras dan memupuk rasa ingin tahu terhadap sejarah dan keunikan Malaysia. Antara tema dalam kurikulum Sejarah sekolah rendah adalah Tema Mengenal Negara Kita, Kewarganegaraan dan Cintai Tanah Air.

Pemupukan semangat patriotisme berterusan sehingga ke peringkat lebih tinggi, iaitu di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Bermula pada tahun 2013, Mata Pelajaran Umum (MPU) telah diperkenalkan diwajibkan kepada semua pelajar IPTA yang dulunya dikenali sebagai Mata Pelajaran Wajib (MPW). Kesenambungan ini merupakan strategi lanjutan yang menunjukkan Kementerian Pengajian Tinggi mengambil berat dan menyokong usaha kerajaan menghasilkan modal insan berkemahiran tinggi yang mempunyai jati diri tinggi. Tujuan MPU diperkenalkan adalah :

- i. Penyelarasan mata pelajaran wajib kepada mata pelajaran pengajian umum di IPT
- ii. Pembinaan negara bangsa
- iii. Penguasaan dan peluasan kemahiran insaniah
- iv. Pengukuhan dan peluasan pengetahuan di Malaysia
- v. Pengaplikasian kemahiran insaniah

Antara subjek-subjek di bawah MPU termasuklah subjek hubungan etnik, subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia dan Pengajian Malaysia.


4. OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini dilaksanakan bagi melihat persepsi pelajar UniMAP terhadap penawaran MPU hubungan etnik dalam meningkatkan kefahaman tentang patriotisme dalam diri mereka. Secara khususnya, antara objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini adalah:

- i. Mengkaji tahap persepsi pelajar dari etnik berbeza terhadap penawaran MPU hubungan etnik

- ii. Mengkaji persepsi pelajar dari jantina yang berbeza terhadap penawaran MPU hubungan Etnik di UniMAP
- iii. Melihat adakah terdapat perbezaan persepsi antara kumpulan pelajar yang telah mengambil dan kumpulan pelajar yang belum mengambil MPU hubungan Etnik di UniMAP

5. KERANGKA KONSEP



Salah satu matlamat pendidikan Sejarah di sekolah rendah dan menengah serta penawaran Mata Pelajaran Umum di Institut Pengajian Tinggi adalah memupuk nilai patriotisme dalam diri pelajar. Kajian ini melihat khusus kepada MPU hubungan etnik kerana modul MPU hubungan etnik lebih bersifat menyeluruh dan memberi kefahaman yang mendalam terhadap senario kepelbagaian etnik di Malaysia. Antara pecahan tema di dalam Modul hubungan etnik Edisi Kedua keluaran Institut Kajian Etnik adalah:

- i. Malaysia: Kesepaduan dalam Kepelbagaian
- ii. Potret Hubungan Etnik
- iii. Limpahan Kemakmuran Merentasi Etnik
- iv. Perlembagaan persekutuan: Tiang Seri Hubungan Etnik
- v. Permuafakatan Politik dalam Konteks Hubungan Etnik di Malaysia
- vi. Kepelbagaian Agama : Mencari Titik Pertemuan
- vii. Dari Segregasi ke Integrasi
- viii. Pemerkasaan Pendidikan ke Arah Kesepaduan Sosial
- ix. Pengalaman Harian : Menjalini Kesepaduan dan Lemahirkan Keharmonian

Dalam menongkah arus peredaran zaman yang semakin mencabar dan kompleks, semangat patriotisme yang mapan sangat penting.

6. METODOLOGI KAJIAN

Kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian ini adalah kaedah tinjauan menggunakan soal selidik dan telah diedarkan kepada responden yang terdiri daripada pelajar UniMAP. Sebanyak 20 kertas soal selidik diedarkan bagi proses kajian rintis. Ujian kebolehpercayaan digunakan dalam melihat ketekalan item soal selidik, manakala kajian sebenar menggunakan 200 orang responden. Kaedah kuantitatif analisa statistik inferensi, iaitu ujian t digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan dalam faktor-faktor yang dijangkakan boleh mempengaruhi persepsi terhadap penawaran MPU hubungan etnik di UniMAP.

Populasi penyelidikan ini terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti Malaysia Perlis. Dalam menentukan pemilihan persampelan, penyelidik menggunakan kaedah *purposive sampling* di mana penyelidik telah menetapkan ciri-ciri responden yang akan terlibat. *Purposive sampling* membantu dalam menyelidik subset yang lebih kecil dari populasi yang besar di mana untuk mengkaji semua populasi terlibat adalah mustahil (Babbie. E., 1990). Kriteria responden terdiri daripada dua kumpulan, iaitu :

- i. Pelajar yang sedang mengikuti kelas Hubungan Etnik di UniMAP
- ii. Pelajar yang belum mengikuti kelas Hubungan Etnik di UniMAP

Dua kumpulan responden ini dipilih bagi melihat adakah terdapat perbezaan persepsi dari dua kumpulan yang berbeza, iaitu yang telah mengambil dan belum mengambil MPU hubungan etnik di Universiti Malaysia Perlis. Krejnic dan Morgan mencadangkan jumlah 384 orang mencukupi untuk setiap 100, 000 populasi dan seterusnya. Penentuan sampel seramai 200 orang adalah mencukupi bagi populasi pelajar di UniMAP. Namun begitu, penyelidik tidak cuba untuk membuat generalisasi terhadap persepsi pelajar dari dua kumpulan yang telah dan belum menduduki MPU hubungan etnik. Justeru, pemilihan sampel dianggap mempunyai maklumat yang cukup dalam menjawab persoalan kajian.

Jadual 1 Demografi pelajar mengikut jumlah dan peratus

Jantina	Lelaki 58 (29 %)	Perempuan 172 (71%)			
Teras pengajian	Sains 18 (9%)	Pengurusan 60 (30%)	Kejuruteraan 122 (61%)		
Etnik	Melayu 89 (44.5%)	Cina 69 (34.5%)	India (15%)	Bumiputera 4 (2%)	Lain-lain 8 (4%)

Berdasarkan jadual demografi di atas, jumlah pelajar perempuan, iaitu 172 orang (71%) adalah lebih ramai berbanding pelajar lelaki seramai 58 orang (29%). Pecahan teras pengajian pula didominasi oleh pelajar dari teras kejuruteraan seramai 122 orang (61%), teras pengurusan, iaitu 60 orang (30%) dan teras sains, iaitu 18 (9%), manakala bagi pecahan mengikut etnik, pelajar Melayu adalah yang tertinggi, iaitu 89 orang (44.5%), pelajar Cina 69 orang (34.5%), pelajar India (15%), pelajar Bumiputera 4 (2%) dan lain-lain 8 orang (4%).

6.1 Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis

Bagi tujuan kajian rintis, seramai 20 orang pelajar telah diambil sebagai responden kajian. Soal selidik diberikan kepada 10 orang pelajar dari kumpulan yang belum pernah mengikuti MPU hubungan etnik dan 10 orang lagi pelajar yang telah mengikuti MPU hubungan etnik, manakala ketekalan dan kestabilan keputusan soal selidik telah diuji menggunakan kaedah analisis item menggunakan ketekalan Cronbach Alpha yang dicadangkan oleh Chua (2006) dan Ghazali Darusslam & Sufean Hussin (2016) yang menyatakan nilai alpha menentukan kebolehpercayaan

sesuatu item, iaitu semakin tinggi nilai alpha, maka semakin baik nilai kejituan data-data seterusnya akan menjadikan hasil kajian lebih baik dan lebih mantap. Kaedah ini membantu penyelidik menentukan item yang harus dikekalkan atau disingkirkan bagi mendapatkan soal selidik yang baik.

Nilai keseluruhan bagi item yang diuji adalah seperti berikut:

Jadual 2 Nilai Cronbach's Alpha kajian rintis
Reliability Statistics

Cronbach's	
Alpha	N of Items
.949	8

Berdasarkan jadual di atas, dikeseluruhan nilai pekali Cronbach Alpha bagi semua item yang diukur adalah $\alpha = .949$. Ini menunjukkan darjah kepercayaan item-item yang terdapat dalam soal selidik adalah bersifat tekal.

Jadual 3 Nilai Cronbach's Alpha kajian rintis mengikut item

Item	Corrected item total correlation	Nilai Cronbach Alpha sekiranya item disingkirkan
1. Penawaran MPU hubungan etnik dapat membina jati diri mahasiswa	.874	.938
2. Melalui penawaran MPU hubungan etnik, ia dapat memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional.	.749	.947
3. Penawaran MPU hubungan etnik dapat membentuk perwatakan positif mahasiswa.	.749	.943
4. nilai-nilai patriotisme di dalam mpu hubungan etnik sangat mudah difahami dan dihayati.	.860	.939
5. Modul MPU hubungan etnik sesuai dengan isu-isu berkaitan masyarakat hari ini.	.841	.940
6. Penawaran MPU hubungan etnik meningkatkan semangat patriotisme mahasiswa.	.945	.934
7. MPU hubungan etnik memberi kefahaman yang mendalam terhadap negara.	.676	.950
8. Penawaran MPU hubungan etnik membantu mahasiswa memahami dan menghormati perbezaan budaya, bahasa dan agama masyarakat berbilang etnik di Malaysia.	.780	.945

Secara umumnya, setiap item di dalam instrumen yang digunakan mempunyai nilai alpha yang tinggi, iaitu melebihi 0.60. Ini disokong dengan pernyataan Mohd Majid Konting (1993) di mana nilai alpha 0.60 sudah memadai dan boleh diterima dan Nunnally (1978) nilai alpha yang melebihi 0.70 adalah diterima. Ini menunjukkan bahawa kebolehpercayaan item ini boleh diterima kerana melebihi 0.60 dan kesemua item boleh dikekalkan.

6.2 Ujian Normaliti

Ujian normaliti merupakan satu syarat dalam menjalankan analisa ujian t. Taburan ujian normaliti mestilah bersifat normal di mana taburan data adalah bertribusi normal. Menurut Ghazali Darussalam & Sufean Hussin (2016), data yang berdistribusi normal menggambarkan

sampel kajian adalah normal. Data yang normal adalah sangat penting dalam memberi panduan kepada penyelidik dalam memilih cara dan analisa data yang betul.

Jadual 4 Ujian normaliti K-S

One-Sample Kolmogorov-Smirnov Test		
		Persepsi
N		200
Normal Parameters ^{a,b}	Mean	3.5788
	Std. Deviation	.50193
Most Extreme Differences	Absolute	.068
	Positive	.068
	Negative	-.064
Test Statistic		.068
Asymp. Sig. (2-tailed)		.024 ^c
a. Test distribution is Normal.		
b. Calculated from data.		

Berdasarkan ujian Kolmogorov-Smirnov menunjukkan nilai sig .068 > 0.05, dengan itu dapatlah diandaikan bahawa taburan data adalah normal.

6.3 Objektif Kajian Satu

Mengkaji tahap persepsi pelajar dari etnik berbeza terhadap penawaran MPU hubungan etnik dalam meningkatkan kefahaman patriotisme di UniMAP.

Jadual 5 Min persepsi pelajar terhadap penawaran MPU Hubungan etnik mengikut etnik

Etnik	Min	N	Sisihan piawai
Melayu	3.6657	89	.40844
Cina	3.4583	69	.49708
India	3.7375	30	.64773
Bumiputera	2.8125	4	.07217
Lain-lain	3.4375	8	.46771

Dapatan kajian mendapati antara lima etnik pelajar yang terlibat dalam kajian, responden daripada etnik India memperlihatkan tahap persepsi terhadap penawaran MPU hubungan etnik dapat meningkatkan kefahaman patriotisme lebih tinggi berbanding pelajar dari etnik yang lain, iaitu (3.7375), diikuti pelajar dari etnik Melayu (3.6657), pelajar etnik Cina (3.4583), pelajar dari lain-lain etnik (3.4375) dan pelajar etnik Bumiputera (2.8125).

6.4 Obejktif Kajian Dua

Mengkaji persepsi pelajar dari jantina yang berbeza terhadap penawaran MPU hubungan etnik dalam meningkatkan kefahaman patriotisme di UniMAP.

Jadual 6 Perbezaan persepsi MPU hubungan etnik mengikut jantina

Demografi	Faktor	N	Min	sp	dk	t	sig
Jantina	Lelaki	58	3.482	.54130	198	.951	.343
	Perempuan	142	3.618	.48143			

Berdasarkan jadual 6, didapati min pelajar perempuan adalah lebih tinggi, iaitu 3.618 berbanding min pelajar lelaki, iaitu 3.482 tetapi perbezaan nilainya boleh dikatakan kecil. Nilai sig .343 ($p > .05$) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan apabila membincangkan tentang persepsi terhadap penawaran MPU hubungan etnik dalam meningkatkan kefahaman patriotisme di UniMAP.

6.5 Objektif Kajian Tiga

Melihat adakah terdapat perbezaan persepsi antara kumpulan pelajar yang telah mengambil dan kumpulan pelajar yang belum mengambil MPU hubungan etnik di UniMAP

Jadual 7 Perbezaan persepsi penawaran subjek hubungan etnik mengikut kumpulan yang telah mengambil dan belum mengambil subjek hubungan etnik

Demografi	Faktor	N	Min	sp	dk	t	sig
Kumpulan	Ya	100	3.54	.49	117	-.663	0.509
	Tidak	100	3.60	.50			

Berdasarkan Jadual 3 didapati nilai-t bagi perbandingan kumpulan pelajar yang telah mengambil dan belum mengambil MPU hubungan etnik ialah $t = -.663$ dan tahap signifikan $p = 0.509$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada $0.05 (p > 0.05)$. Oleh itu, hipotesis nul 2 (H_{02}) diterima. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penawaran MPU hubungan etnik mengikut kumpulan pelajar yang telah mengambil dan belum mengambil subjek tersebut. Skor min kumpulan pelajar yang telah mengambil ($\text{min} = 3.54$) adalah lebih kecil daripada kumpulan pelajar yang tidak pernah mengambil ($\text{min} = 3.60$).

7. PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Daripada hasil kajian mendapati persepsi terhadap penawaran MPU hubungan etnik dalam meningkatkan kefahaman patriotisme dalam kalangan pelajar adalah berbeza mengikut etnik. Pelajar India mencatatkan nilai min tertinggi berbanding pelajar Melayu dan Cina. Dalam kelompok tiga etnik majoriti ini, pelajar Cina mencatat nilai min paling rendah. Antara faktor yang menyebabkan berlakunya perbezaan ini adalah kerana setiap pelajar mempunyai pemahaman konsep patriotisme yang berbeza dan didasari oleh kepentingan etnik masing-masing. Dasar Pecah dan perintah yang ditinggalkan oleh British satu masa dulu membentuk landskap identiti etnik pada hari ini. Jati diri etnik yang kuat menyebabkan pemahaman terhadap konsep patriotism lebih merujuk kepada bagaimana mengekalkan kepentingan etnik berbanding kepentingan negara. Ini dapat dilihat apabila pemahaman konsep patriotisme pelajar Melayu lebih kepada mempertahankan hak istimewa orang Melayu sebagai anak watan, pelajar Cina memperjuangkan hak seperti pengekalan bahasa Cina, penguasaan ekonomi dan hak pendidikan sekolah Cina. Agak membanggakan apabila pelajar etnik India mencatat min tertinggi atas faktor mereka sedaya upaya untuk mengadaptasi dengan keadaan sekeliling sebagai satu cara untuk survival dari segi pendidikan, ekonomi dan sosial (Anuar Ahmad, Peter Ling Huo & Nur Atiqah Tang Abdullah). Pendekatan yang lebih neutral tanpa memberi penekanan terhadap isu-isu yang mewakili etnik dilihat sebagai salah satu cara dalam memastikan pelajar berminat terhadap pendidikan mengetengahkan patriotisme sebagai nilai

yang dipelajari (Bruces. H., 2009). Mereka perlu diberi kelonggaran dalam membincangkan hal-hal berkaitan sesuatu etnik supaya pemahaman yang bersifat tidak berat sebelah dapat dibina.

Selain itu, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan apabila membincangkan tentang persepsi penawaran MPU hubungan etnik dalam meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan kumpulan pelajar yang telah dan belum mengambil subjek MPU hubungan etnik. Antara faktor yang mempengaruhi dapatan ini adalah pelajar-pelajar ini telah didedahkan dengan pendidikan sejarah yang menerapkan nilai-nilai patriotisme melalui Korikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM, 1989) dan ditukar kepada Korikulum Standart Sekolah Menengah (KSSM) pada tahun 2017. Diperingkat pengajian tinggi di mana rata-rata pelajar menyatakan pengajaran dan pembelajaran MPU seperti subjek Kenegaraan Malaysia yang merupakan antara subjek yang berminat memupuk semangat patriotisme dalam kalangan pelajar agak membosankan dan mereka bersetuju pendekatan yang lebih kreatif dituntut dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran MPU dapat memberi impak yang diinginkan (Ku Hasnita Ku Samsu *et al.*, 2014).

Secara asasnya, pendidikan memainkan peranan yang luas dan komprehensif dalam menggambarkan kepelbagaian masyarakat di Malaysia. Ia seharusnya dapat membantu dalam membangunkan satu pemahaman sama terhadap konsep patriotisme dan jati diri sebagai rakyat Malaysia. Perbincangan mengenai perkaitan antara peranan pendidikan dalam melahirkan pelajar yang tinggi semangat patriotismenya tidak pernah akan berakhir. Terdapat kebimbangan umum sama ada pendidikan yang menekankan nilai-nilai patriotisme dalam kalangan pelajar berfungsi seperti yang diharapkan. Kebimbangan ini dapat diterjemahkan dengan peningkatan masalah sosial dalam kalangan remaja, malahan keberkesanan pengajaran subjek yang berkaitan sejarah dan patriotisme turut tempias kepada cara bagaimana guru-guru dan pensyarah mengendalikan kelas dan kuliah mereka. Kajian menunjukkan pengajaran yang berulang-ulang menyebabkan subjek sejarah ini tidak digemari oleh para pelajar sekaligus tidak mendapat sambutan dalam menghayati setiap nilai yang terkandung dalam subjek tersebut

RUJUKAN

- Abdul Latiff Abu Bakar. (1996). *Konsep Patriotisme dan Nasionalisme*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Anuar Ahmad, Peter Ling Huo Hang & Nur Atiqah Tang Abdullah. (2012). *Pengetahuan Nilai Patriotisme Pelajar Berdasarkan Pembelajaran Subjek Sejarah*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
- Awang Had Salleh. (1995). *Patriotisme dan Globalisasi dalam Konteks Pergerakan Bahasa dan Sastera Kebangsaan*. Pembentangan Kertas kerja Persidangan Hari Sastera.
- Azizi Ahmad. (2010). *Pentaksiran pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Bruces. H. (2009). *Patriotisme and Citizenship Education*. Wiley-Blackwell Publication
- Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan. www.moe.gov.my/index.php/my/dasar/dasar-pendidikan-kebangsaan
- Chua Kheng Hoe. (2007). *Pembangunan Patriotisme Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Dua :Perbandingan Antara Empat Jenis Sekolah*. Disertasi Sarjana Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Selangor: Mcgraw- Hill (Malaysia).
- D. Sneider. (2013). Textbooks and Patriotic Education: Wartime Memory Formation in China and Japan, *Asia-Pacific Review*, 20(1), 35-54
- Ghazali Darussalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisa Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Edisi ke-5. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka

- Mohd Sahandri Gani Hamzah, Noor Shah Saad, Saifuddin Kumar Abdullah, Mazura Mastura Muhammad. & Husni Zaim Khairun Nasri. (2014). Transformation of research instrument development in education. *US-China Education Review A*, 4(10), 679-687
- Mohd Samsudin dan Shahizan Saharudin. (2012). Pendidikan Pengajaran Matapelajaran Sejarah di Sekolah Di Malaysia. Jebat: *Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 39. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Faisol Keling, Ahmad Shah Pakeer Mohamed & Md Shukri Suhib. (2016). Dasar Pertahanan Negara Malaysia: Adakah ianya Kukuh? *Jurnal Indonesia untuk Kajian Pendidikan*.
- M. Zembylas. (2014). The Teaching Of Patriotisme And Human Rights: An Uneasy Entanglement And The Contribution Of Critical Pedagogy. *Educational Philosophy and Theory*, 46(10), 1143-1150.
- Kementerian Belia dan Sukan. (2015). Indeks Belia Malaysia. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)
- Kleinig, J, Keller. S, Primoratz. I. (2015). The Ethics of Patriotisme: A Debate. Wiley Blackwell: Singapore.
- Ku Hasnita Ku Samsu & Mohd Haizam Mohd Nor. (2011). Kepentingan Pendidikan Patriotisme Terhadap Wargenagara Malaysia. *Jati*, 16, 23-24.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric theory* (2nd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Sarjit S. Gill, Mohd Rahimi Ramli, Ahmad Tarmizi Talib. (2015). Kesedaran Patriotik dalam Kalangan belia Bandar di Semenanjung Malaysia, *Jurnal Sosial Ilmu Politik Universitas Hasanudin*, 1.
- S. Anzai. (2015). Re-Examining Patriotisme In Japanese Education: Analysis Of Japanese Elementary School Moral Readers. *Educational Review*, 67(4) 436-458
- S. N. Encep. (2017). Civic Education Policies: Their Effect On University Students' Spirit Of Nationalism And Patriotisme. *Citizenship, Social and Economics Education*, 1-14
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1, 115-140.
- Zarina Muhammad, Jayum Jawan & Zaid Ahmad. (2010). Kesan Penawaran kursus Umum Universiti Ke Atas Pelajar Institusi pengajian Tinggi Awam dan Swasta. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

